

16/04/1997

Elak babit politik wang

KEMAMAN, Selasa - Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad sekali lagi mengingatkan pemimpin politik di negeri ini supaya mengelak daripada terbabit dengan politik wang.

Walaupun tidak begitu bimbang dengan keadaan di Terengganu, nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu diberi perhatian serius semua pihak iaitu bersih daripada sebarang tingkah laku yang menjejaskan imej parti dan kerajaan.

"Saya tidak begitu bimbang keadaan di negeri ini kerana sejak dulu lagi kerajaan negeri tidak menyediakan kemudahan tertentu kepada wakil rakyat dan ahli exco negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis menabur benih padi di Kampung Paya Air Putih, kira-kira 30 kilometer dari sini, semalam.

Wan Mokhtar berkata, kerajaan negeri berulang kali mengingatkan ahli exco negeri dan wakil rakyat menjaga nama baik, imej dan moral serta jangan terbabit dengan perbuatan memalukan.

"Setiap wakil rakyat dan ahli exco negeri juga sudah membuat pengisytiharan harta milik mereka yang boleh dinilai dari semasa ke semasa," katanya.

Menurutnya, perkara itu perlu diberi perhatian kerana tidak ada pihak yang akan mempertahankan jika terjebak dengan perkara tidak baik.

"Tindakan tetap dikenakan dan tidak akan ada orang yang akan mempertahankan perkara yang tidak baik dilakukan oleh sesiapa sahaja," katanya.

(END)